

**SMK ....., KLUANG, JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
November**

**1103/2(PP)**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Kerajaan Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak.  
**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

- Soalan 1 : **8** markah
- Soalan 2 : **6** markah
- Soalan 3 : **11** markah
- Soalan 4 : **6** markah
- Soalan 5 : **4** markah

### Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif perasaan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif perasaan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata adjektif perasaan telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata adjektif perasaan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata adjektif perasaan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

### Soalan 1 – Kata adjektif perasaan

- (i) benci – tidak suka
- (ii) marah – panas hati/ berang
- (iii) sayang – mengasihi/ mencintai/ kasihan/ kasih/ cinta
- (iv) tenang – tidak berkocak/ tidak berombak/ tidak gelisah
- (v) takut – gentar/ berasa segan dan hormat/ berasa bimbang/ tidak sanggup menghadapi sesuatu perkara

[Maksimum : 8 markah]

### Soalan 2 – Sintaksis

- (i) Lebih baik kamu kurangkan makanan yang bergula dan berlemak, Azlan.  
- **Ayat suruhan**
- (ii) mohon kamu beringat-ingat dari sekarang agar tidak menyesal pada kemudian hari  
- **Ayat permintaan**
- (iii) jangan lupa bawa ubat  
- **Ayat larangan**

[Maksimum: 6 markah]

### Soalan 3 – Penyuntingan

### Bahan 1

- (i) dikatakan - dianggarkan
- (ii) kebanyakan - kebanyakan
- (iii) menggalakan - menggalakkan
- (iv) dimiliki - memiliki
- (v) para pelancong kunjungi - dikunjungi oleh para pelancong
- (vi) baris batu - bongkah batu

[ Maksimum :6 markah]

### Bahan 2

- (i) Malaysia cuti-cuti - Cuti-cuti Malaysia
- (ii) baharu - baru
- (iii) mengulangkaji - mengulang kaji
- (iv) pilih - memilih
- (v) dari - daripada

[ Maksimum : 5 markah]

### Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 - 6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0

### Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Tun Kudu merupakan isteri kepada Duli Yang Dipertuan, rupanya sangat cantik tetapi matanya juling sedikit. Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu, baginda menceraikan Tun Kudu dan segera dihantar pulang ke rumah Paduka Raja, diberi belanja serta disuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja. Semua anak buah Seri Nara Diraja bertanya, “Bagaimana datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, bulu mata dan kening sudah bertemu?”

[Maksimum : 6 markah]

### Soalan 5 – Peribahasa

- (i) bagai aur dengan tebing
  - **Tolong-menolong/bekerjasama di antara satu sama lain.**
- (ii) bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
  - **Mementingkan diri sendiri**
  - **Tidak bersepakat / Tiada permuafakatan dalam masyarakat atau sesuatu perbincangan**
- (iii) ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak
  - **Apabila membuat kerja mesti berhati-hati dan adil**
  - **Menyelesaikan suatu masalah dengan cara yang bijaksana**

[Maksimum: 4 markah]

### BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

### Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi Soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan pemarkahan soalan pemahaman

**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

**3. Soalan 4 markah: pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

## Soalan 6

Markah

### (i) Maksud rangkai kata *mampu mencipta*

- dapat/boleh/berupaya/sanggup membuat/mencipta/menjadikan/menghasilkan 2m
- dapat/boleh/berupaya/sanggup mencipta 1m
- mampu membuat/mencipta/menjadikan/menghasilkan 1m

[Maksimum : 2 markah]

### (ii) Kelemahan bekerja sendiri dan makan gaji

#### Bahan 1

- P1 - Jika anda tidak mampu untuk mendapatkan projek, maka anda sedang berada dalam bahaya yang bakal mengundang masalah kewangan. 1m

#### Kelemahan

- P2 - Gaji anda adalah terhad 1m  
P3 - anda perlu akur dengan apa-apa yang anda peroleh setiap bulan 1m  
P4 - Sesetengah majikan pula gemar mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi tenaga pekerja 1m

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

### (iii)Persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang itu sebelum memulakan perniagaan

- P1 – belajar bersungguh-sungguh dalam perniagaan 1m  
P2 – mengambil kursus/bengkel yang dianjurkan oleh pihak tertentu 1m  
P3 – menyediakan/membuat kertas cadangan/projek perniagaan 1m  
P4 – mendapatkan dana/bantuan modal/pinjaman untuk perniagaan 1m  
P5 – membuat kajian tentang pasaran/perniagaan 1m  
P6 - merujuk kepada ahli perniagaan yang telah berjaya 1m

*(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)*

[Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

### (iv) Cara saya meyakinkan ibu bapa saya untuk bekerja sendiri

- P1 – menyakinkan ibu bapa tentang minat dan bakat/potensi dalam diri untuk diperkembangkan 1m
- P2 – akan mempunyai lebih banyak masa untuk bersama dengan keluarga 1m
- P3 – bekerja dengan lebih keras untuk berjaya tanpa perlu bergantung kepada orang lain 1m
- P4 – mendapat pulangan/keuntungan yang tinggi 1m
- P5 - terdapat banyak peluang dan bantuan daripada pihak kerajaan untuk menggalakkan usahawan/peniaga muda/baru 1m

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**(i) Masalah yang dihadapi oleh keluarga Pak Mail setelah kematian Sarjan Akhbar ?**

- P1 – Terutamanya dalam hal persekolahan Hayati 1m  
P2 – Hari ini dia pulang dari asrama / Masalah belanja. 1m  
P3 – Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. 1m  
P4 – Pak Mail tentu tidak dapat mengharapkan pencen bulanannya yang sedikit itu untuk menyara keluarga. 1m

**[Maksimum: 2 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**(ii) Usaha memupuk amalan kejiranan**

**Bahan 1**

- P1 - Menjaga tutur kata 1m  
P2 - Membudayakan budi bahasa 1m  
P3 - Saling bertegur 1m  
P4 - Elakkan suka mengata orang lain 1m  
P5 - Tidak membuka aib jiran 1m  
P6 - Tidak berkira apabila menolong jiran

**Bahan 2**

- P1- Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu 1m  
P2- Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya. 1m  
P3- Kedatangan saya juga untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepupuh ribu ringgit untuk Puan Fauziah 1m

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**



**(iii) Cabaran yang menyebabkan semangat kejiranan sukar dipupuk dalam kalangan masyarakat**

P1 – sikap mementingkan diri sendiri / individualistik	1m
P2 – kempen yang dijalankan kurang mendapat sambutan/ kurang kesedaran	1m
P3 – kesibukan dalam pekerjaan	1m
P4 – masyarakat yang terlalu asyik menggunakan teknologi / gaya hidup moden	1m
P5 – sentimen perkauman	1m
P6 – jurang sosioekonomi	1m

*(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)*

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**(iv) Cadangan yang perlu saya lakukan untuk memastikan program gotong-royong mendapat sambutan daripada penduduk di kawasan perumahan saya**

P1 – mewara-warakan / uar-uarkan melalui media massa / media sosial / poster	1m
P2 – menyediakan makanan dan minuman	1m
P3 – menyediakan cenderamata / sijil penghargaan / cabutan bertuah	1m
P4 – pertandingan kebersihan mengikut kawasan	1m
P5 – menjemput selebriti / pempengaruh / tokoh popular	1m

*(Cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai)*

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 8**

**Markah**

(i) Perkara-perkara yang berlaku ketika Felicia Landosi memasuki wad kelas biasa tersebut.

P1 - Felicia menjadi terpinga-pinga	1m
P2 - dia seperti melihat kewujudan seorang pesakit lelaki yang pernah mendapatkan rawatan di PRPK dahulu.	1m
P3 - cuba menggapai sisa-sisa kewarasan yang mungkin masih ada dalam dirinya	1m
P4 - Matanya terkedip-kedip memandang lelaki yang terlantar di atas katil pesakit itu	1m

**[Maksimum: 4 markah]**

## **Panduan umum pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**

### **Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan dua novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 6 markah]**

## **NOVEL DI SEBALIK DINARA**

### **Peristiwa yang meninggalkan kesan positif di hati pembaca.**

P1. Peristiwa Farisha tidak tergesa-gesa menerima tawaran Aqram dan Soft Lab untuk projek mini bernilai tinggi. Sebaliknya Farisha meminta pandangan abangnya yang lebih berpengalaman iaitu Azraai.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar berfikir dahulu terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan.

P2. Peristiwa Dr. Maxi berusaha untuk menunaikan amanah yang diberikan oleh Karl iaitu mencari Farisha sehingga berjumpa. Farisha amat penting untuk menyelamatkan masa depan Dinara.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar setiap amanah yang diberikan hendaklah kita sempurnakannya dengan baik.

P3. Peristiwa Karl berusaha membantu adiknya Aqem yang terencat akal agar dapat kehidupan yang lebih baik iaitu menukarkan Aqem menjadi Cyborg yang dikenali sebagai Aqram.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar kita hendaklah sedar bahawa sebagai adik-beradik, kita perlu saling menyayangi dan melindungi antara satu sama lain.

P4. Peristiwa Azraai memasang alat retinal scanner di rumah Farisha bagi memastikan keselamatannya daripada sebarang perkara yang tak diingini. Apabila sampai di apartment, Farisha mendapati kunci rumahnya telah diganti dengan sistem retinal scanner dan kad imbasnya tidak boleh digunakan lagi untuk membuka pintu rumah.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sentiasa bertanggungjawab atas setiap ahli keluarga

P6. Peristiwa Aqram yang bertanggungjawab kepada arahan ketuanya, iaitu Dr. Maxi yang mengarahkannya menjejaki Farisha. Dia berjaya menemui Farisha. Farisha diminta untuk menyelamatkan sistem Dinara yang terancam oleh virus yang dihantar oleh musuh-musuh Karl.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sentiasa bertanggungjawab atas arahan yang diberikan oleh pihak majikan.

P7. Peristiwa Rosman yang membantu Azraai untuk menjejaki Farisha semasa Farisha diculik di Hentian Pagoh. Rosman telah berjaya mengesan keberadaan Farisha melalui aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sentiasa bersikap baik hati dan membantu orang lain apabila dalam kesusahan.

P8. Peristiwa Farisha memaafkan segala perbuatan Karl dan menerima kenyataan bahawa Karl merupakan ayah kandungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Karl telah menanam pelbagai implan ke dalam tubuh Farisha tanpa menggunakan sebarang ubat pelali.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar tidak berdendam dan saling memaafkan kesalahan orang lain.

P9. Peristiwa Farisha dan Rosman bekerjasama dalam memajukan syarikat milik mereka dengan bijak dengan membahagikan tugas. Rosman menguruskan projek di Senawang manakala Farisha menguruskan projek yang ditawarkan oleh Soft Lab.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar mengamalkan sikap bekerjasama sesama rakan sekerja supaya syarikat beroperasi dengan baik.

P10. Peristiwa Aqram telah menegur seorang wanita yang sedang asyik berbual di telefon dengan suara yang kuat dan mengganggu orang lain sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca supaya bersikap hemah tinggi ketika menegur orang lain tanpa mengeluarkan kata-kata yang kesat.

*\*Jawapan lain boleh dipertimbangkan jika bersesuaian.*

## NOVEL SILIR DAKSINA

P1. Peristiwa Haiqal sangat gigih berusaha untuk mengetahui sejarah kehidupan ayah kandungnya yang terpisah sejak kecil setelah mendapat manuskrip yang dikirimkan oleh Ong See Hwa

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar gigih dalam kehidupan untuk mencapai sesuatu yang dihajati.

P2. Peristiwa Haiqal dan penduduk Kampung Seri Purnama berusaha untuk menghidupkan kembali tarian zapin jincat yang pernah dipularkan oleh Abdullah bin Kayan.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar kita hendaklah bekerjasama menjaga warisan seni budaya agar tidak pupus ditelan zaman.

P3. Peristiwa Abdullah bin Kayan tidak memberitahu sesiapa pun tentang penyakitnya. Walaupun sakit, dia tetap meneruskan tugasnya memperkembang seni budaya di kampungnya.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar kita hendaklah tabah menghadapi setiap dugaan Tuhan terhadap hamba-Nya.

P4. Peristiwa Cikgu Amirulnizam telah menumpangkan Ai Ling dan Ai Ching untuk pergi ke sekolah kerana kereta Tauke Lim rosak.

Peristiwa datuk Haiqal yang memberikan pertolongan kepada Tauke Lim / Tauke Ong semasa Tauke Lim / Tauke Ong dalam kesusahan semasa dia dan keluarganya baru berpindah ke kampung Seri Purnama. Tauke Lim / Tauke Ong mengambil upah menoreh getah di kebun getah datuk Haiqal hingga akhirnya berjaya mengubah kehidupan sekeluarga.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar kita mengamalkan sikap suka membantu terutama ketika orang dalam kesusahan dalam hidup bermasyarakat.

P5. Peristiwa Ong See Hwa / Ai Ling yang ringan tulang secara sukarela membersihkan dan mengemas rumah arwah Abdullah bin Kayan / cikgu Amirulnizam dua hari sekali sehingga Haiqal pulang dan bilik bacaan di balai raya seminggu sekali tanpa menerima upah.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar membuat sesuatu pekerjaan dengan ikhlas tanpa mengharap ganjaran.

P6. Peristiwa Ai Ling yang datang ke rumah cikgu Amirulnizam / Abdullah bin Kayan pada setiap petang untuk berlatih membaca puisi.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar bersungguh-sungguh untuk menguasai bidang sastera.

P7. Peristiwa Abdullah bin Kayan / Amirulnizam / Cikgu Zam gigih menghidupkan semula kumpulan D'Purnama dan mempopularkan kembali tarian zapin jincat dalam kalangan anak-anak muda di kampungnya. Beliau telah berjaya mengharumkan nama Kampung Seri Purnama dengan kegiatan seni dan sastera. Beliau juga berazam untuk menjadikan Kampung Seri Purnama sebagai pusat pengembangan sastera di daerahnya melalui penubuhan Akademi Sastera Rakyat (Aksara).

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sentiasa gigih berusaha untuk mencapai sesuatu yang diimpikan.

P8. Peristiwa Tauke Ong menyerahkan semua buku bank dan wang simpanan hasil jualan kelapa sawit dan kebun kelapa sawit kepada Haiqal ketika Haiqal pulang ke kampung Seri Purnama.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan jujur dalam menjaga harta seseorang.

P9. Peristiwa Walid yang memberikan wang kepada Haiqal untuk pulang ke kampung Seri Purnama kerana umi enggan memberikan wang perbelanjaan kepada Haiqal.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sebagai bapa hendaklah mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap keperluan anaknya.

P10. Peristiwa Tauke Ong / Tauke Lim yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi menyara kehidupan keluarga.

Peristiwa Tauke Ong yang bekerja kuat dan akhirnya telah berjaya membeli setengah ekar tanah sebagai tapak rumah untuk kediaman keluarganya.

- Peristiwa ini memberikan kesan positif kepada pembaca agar sentiasa gigih mencari rezeki tanpa mengenal erti penat lelah yang akhirnya mendatangkan hasil yang lumayan.

*\*Jawapan lain boleh dipertimbangkan jika bersesuaian.*

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

### Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

(a) Isi – 20 markah

(b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
  - nama khas / peribahasa / hadis / pantun
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
  - peribahasa
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Maksimum
<b>Pendahuluan</b>								2
<b>Isi Bahan 1</b>								16
Fokus 1 (Usaha/Langkah/Cara)	7	4	3	3	2	2	1	
Fokus 2 (Cabaran/Halangan/Kekangan)	4	2	2	1	3	2	3	
<b>Isi Bahan 2</b>								
Fokus 1 (Usaha/Langkah/Cara)	2	1	2	2	2	2	2	
<b>Isi Bahan 3</b>								
Fokus 2 (Cabaran/Halangan/Kekangan)	4	1	1	2	1	2	2	
<b>Jumlah Isi</b>	17	8	8	8	8	8	8	
<b>Penutup / Kesimpulan</b>								
		<b>Jumlah Markah</b>						<b>20</b>

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>8 – 10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik</li><li>• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Baik</b>	<b>5 – 7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat baik</li><li>• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Sederhana</b>	<b>3 – 4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li><li>• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu</li><li>• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li><li>• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li></ul>
<b>Lemah</b>	<b>1 – 2 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li></ul>

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti bahasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

<b>P1</b>	Rumusan / Petikan membincangkan usaha/cara/langkah menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan dan cabaran/halangan/kekangan penglibatan wanita dalam bidang sukan	<b>2</b>
<b>P2</b>	Rumusan membincangkan usaha/cara/langkah menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan	<b>1</b>
<b>P3</b>	Rumusan membincangkan cabaran/halangan/kekangan penglibatan wanita dalam bidang sukan	<b>1</b>

**Isi [16 markah]****Fokus 1 : Usaha / cara / langkah menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang sukan****Bahan 1**

<b>A1</b>	Golongan wanita diberi peluang yang sama rata	<b>2</b>
<b>A2</b>	Minat yang mendalam dalam sukan yang diceburi	<b>2</b>
<b>A3</b>	Mempunyai disiplin diri yang tinggi	<b>2</b>
<b>A4</b>	Wanita perlu mempunyai bakat dan kebolehan untuk bersukan	<b>2</b>
<b>A5</b>	Sokongan daripada pelbagai pihak	<b>2</b>
<b>A6</b>	Golongan wanita juga perlu sentiasa positif	<b>2</b>
<b>A7</b>	Yakin akan kemampuan diri sendiri	<b>2</b>

**Bahan 2**

<b>B1</b>	Rajin dan tabah dalam bersukan	<b>2</b>
<b>B2</b>	Kemudahan sukan amat diperlukan	<b>2</b>

**Fokus 2 : Cabaran / halangan / kekangan penglibatan wanita dalam bidang sukan****Bahan 1**

<b>C1</b>	Tuduhan atlet wanita berhadapan diskriminasi pelbagai pihak	<b>2</b>
<b>C2</b>	kekurangan jurulatih wanita	<b>2</b>
<b>C3</b>	pakaian atlet wanita juga kurang sesuai untuk digayakan dalam acara sukan	<b>2</b>
<b>C4</b>	wanita yang hamil	<b>2</b>

**Bahan 3**

<b>D1</b>	Memerlukan wanita berusaha dua kali ganda untuk membuktikan mereka layak	<b>2</b>
<b>D2</b>	Seorang ibu yang perlu bijak membahagikan masa antara karier dan keluarga	<b>2</b>
<b>D3</b>	Ketidakseimbangan di antara jurulatih lelaki dan wanita	<b>2</b>
<b>D4</b>	Keadaan fizikal dan kesihatan mental atlet wanita	<b>2</b>

**Kesimpulan [2 markah]**

<b>K1</b>	Kesimpulannya, penglibatan wanita dalam bidang sukan perlulah ditingkatkan supaya dapat melahirkan lebih ramai atlet wanita di negara kita	<b>2</b>
-----------	--	----------

(Kesimpulan yang lain yang mengikut syarat boleh diterima sekiranya sesuai)

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**